



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 November 2023
29 Rabiulakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Tuna sirip kuning 50kg curi perhatian ramai
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

Tuna sirip kuning 50kg curi perhatian ramai

314 1345 157

IPOH - Ramai tidak mengetahui perairan negara juga mempunyai habitat ikan tuna yang bernilai tinggi di pasaran.

Sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023, Jabatan Perikanan Malaysia menunjukkan ikan tuna sirip kuning atau Yellowfin seberat 50 kilogram (kg) yang dibawa khas dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Pegawai Perikanan Kanan Jabatan Perikanan Malaysia, Nor Azlin Mokhtar berkata, industri tuna tempatan sedang berkembang dan menjadi salah satu sumber kekayaan baharu negara.

Menurutnya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan komited dalam memajukan industri tuna di negara ini.

"Selama ini ramai tidak tahu perairan kita mempunyai ikan tuna sirip kuning dan boleh ditangkap di perairan lebih dalam di Sabah, Sarawak dan Labuan menggunakan pukot jerut atau pancing.

"Sempena HPPNK 2023 ini, kami membawa ikan tuna sirip kuning yang ditangkap nelayan di Labuan," katanya ketika ditemui selepas aktiviti Demonstrasi dan Uji Rasa Loin Tuna Sirip Kuning.

Nor Azlin berkata, secara keseluruhan pada tahun lalu, sebanyak 71,353 tan metrik tuna didaratkan dengan nilai RM636 juta.

"Daripada jumlah ini, 54,903 tan metrik atau 77 peratus adalah tuna neritik, 3,202 tan metrik (4.5 peratus) tuna oseanik dan 13,247 tan metrik atau 18.5 peratus adalah spesies mirip tuna.

"Ikan tuna sirip kuning mempunyai khasiat dan manfaat kepada kesihatan kerana tinggi dengan protein, Omega-3 dan vitamin B serta D," katanya.

Ujarnya, kandungan protein tinggi membantu dalam pembentukan otot, meningkatkan metabolisme dan mengurangkan lemak manakala Omega-3 baik untuk kesihatan jantung.